



Malaysian Green Technology
and Climate Change Centre (MGTC)



RHB Islamic Bank Berhad

KENYATAAN AKHBAR

MASJID AL-HASANAH BANGI PROJEK RINTIS PERTAMA RUMAH IBADAT HIJAU

26 Mac 2021/12 Syaaban 1442H, Jumaat

BANGI – Program Rumah Ibadat Hijau (RIH) yang dilaksanakan oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change Centre* (MGTC), sebuah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), menyaksikan Masjid Al-Hasanah menjadi rumah ibadat (masjid) rintis bagi program tersebut menerusi Majlis Penyerahan Laporan Audit dan Pelancaran Pelaksanaan Sistem Solar hari ini.

Objektif program RIH adalah untuk menjadikan rumah-rumah ibadat sebagai pusat pemangkin kelestarian alam sekitar. Program ini juga berperanan dalam memupuk budaya gaya hidup hijau di kalangan ahli kariah atau penduduk setempat yang beribadat di pusat-pusat ibadat ini dan menjadi contoh bangunan komuniti yang cekap tenaga, cekap air, mesra alam dan rendah karbon di kawasan setempat.

Program RIH menekankan kepada empat (4) elemen hijau iaitu penjimatan penggunaan tenaga elektrik, penjimatan penggunaan air terutamanya ketika berwuduk di masjid dan surau, pengurangan penjaan sisa dan pengurusan sisa buangan dengan teratur serta menggalakkan pembelian dan penggunaan produk hijau.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KASA yang hadir bagi menyempurnakan majlis penyerahan dan pelancaran itu berkata, "hasil daripada audit yang dilaksanakan, MGTC telah mengenal pasti potensi penjimatan tenaga sebanyak 59% yang meliputi aspek kecekapan tenaga dan tenaga boleh baharu dan juga potensi penjimatan air sebanyak 42% yang meliputi aplikasi teknologi hijau dan Sistem Penuaian Air Hujan (SPA) bagi penjimatan air".

RHB Islamic Bank Berhad, sebuah institusi kewangan patuh Syariah merupakan institusi pertama yang tampil untuk bekerjasama bagi program ini untuk jangka masa panjang menerusi Memorandum Persefahaman bersama MGTC yang ditandatangani pada November yang lalu. Susulan daripada audit awalan yang dijalankan, RHB Islamic Bank Berhad telah bersetuju untuk menyumbang sebanyak RM75,000.00 bagi pelaksanaan pemasangan sistem solar yang berkapasiti 22.36 kWp pada fasa pertama. Dengan potensi penjaan tenaga daripada sistem ini adalah sebanyak 24,700 kWj setahun, bersamaan dengan penjimatan kos tahunan sebanyak RM12,600. Kerja-kerja pelaksanaan ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan Jun 2021 (fasa pertama).

Dato' Adissadikin Ali, Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad berkata, "Pihak RHB Islamic

Bank berasa bangga dan bertuah kerana dapat memainkan peranan dalam Program Rumah Ibadat Hijau anjuran KASA dan MGTC. Selain daripada sumbangan kepada Masjid Al-Hasanah ini, kami akan terus berusaha untuk merangsang dan menggalakkan sumbangan dana wakaf melalui perkhidmatan “syuQR” yang merupakan perkhidmatan derma digital menggunakan kod QR untuk membolehkan orang ramai membuat sumbangan kepada tabung wakaf, atau menyumbang terus kepada masjid–masjid yang telah berdaftar dengan RHB”.

Berdasarkan penemuan audit awalan itu, Masjid Al-Hasanah berpotensi mendapat penjimatan kos sebanyak RM125,000.00 setahun bagi penggunaan tenaga dan sebanyak RM4,300.00 setahun bagi penggunaan air. Penjimatan ini juga berpotensi untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida sebanyak 145 tan CO₂ bersamaan dengan menanam sebanyak 3,625 batang pokok matang. Usaha ini adalah selaras dengan inisiatif Kerajaan dalam mengurangkan pelepasan CO₂ negara menjelang 2030”.

Mengikut kajian audit itu juga, jumlah potensi keseluruhan kapasiti pemasangan sistem solar di Masjid Al-Hasanah adalah sebanyak 166kWp dengan penjanaan tenaga tahunan sebanyak 159,100 kWj iaitu bersamaan dengan RM80,900 setahun. Inisiatif ini memerlukan dana tambahan sebanyak RM500,000 yang boleh dilaksanakan dalam fasa seterusnya.

-Tamat-

Mengenai MGTC

Malaysian Green Technology and Climate Change Centre (MGTC) adalah agensi Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang diberi mandat bagi memacu negara di dalam skop Pertumbuhan Hijau, Mitigasi Perubahan Iklim dan Membudaya Gaya Hidup Hijau.

Peranan utama MGTC sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi hijau adalah berpandukan Dasar Teknologi Hijau Negara (NGTP), Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) dan Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP).

MGTC melaksanakan inisiatif dan program yang memberikan perincian khusus dalam mencapai impak jangka panjang kepada *Nationally Determined Contribution* (NDC) untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca sebanyak 45% berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang 2030, meningkatkan kadar KDNK daripada teknologi hijau sebanyak RM100 Billion dan penjanaan sebanyak 230,000 peluang pekerjaan hijau.

Perhubungungan Media

Intan Syazwani Isa

Head of Corporate Communications

MGTC

012-7023110



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water



Malaysian Green Technology
and Climate Change Centre (MGTC)



RHB Islamic Bank Berhad

KENYATAAN AKHBAR

comms@mgtc.gov.my

Mengenai Kumpulan Perbankan RHB

Kumpulan Perbankan RHB (“RHB”), dengan RHB Bank Berhad sebagai syarikat induk, adalah kumpulan perkhidmatan kewangan bersepadu keempat terbesar di Malaysia. Perniagaan teras RHB disusun menjadi enam tonggak perniagaan utama, iaitu Perbankan Runcit Kumpulan, Perbankan Perniagaan & Perbankan Transaksi, Perbankan Borong Kumpulan, Perniagaan Syariah Kumpulan, Perniagaan Antarabangsa Kumpulan dan Insurans Kumpulan. Perbankan Borong Kumpulan merangkumi Perbankan Korporat, Perbankan Pelaburan, Perbendaharaan Kumpulan & Pasaran Global, dan Pengurusan Aset. Kesemua enam tonggak perniagaan ditawarkan melalui RHB Bank Berhad dan anak syarikat utama - RHB Investment Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan RHB Insurance Berhad, sementara pengurusan aset dan perniagaan unit amanahnya dilakukan oleh RHB Asset Management Sdn. Bhd. dan RHB Islamic International Asset Management Berhad. Kehadiran serantau RHB kini merangkumi sembilan negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, Kemboja, Vietnam, PDR Laos dan Myanmar.

Perhubungungan Media

Cairil Irwan

Head of Corporate Communications & Media Relations

Group Corporate Communications Division

RHB Banking Group

012-3335007

cairil@rhbgroup.com